


<http://www.america.gov/st/peopleplace-english/2010/April/20100416165559naneerg0.4839855.html?CP.rss=true>

16 April 2010

Mark Twain: Novelis, Humoris dan Warga Dunia

Memperingati ulang tahun ke-100 Mark Twain



Shelley Fisher Fishkin adalah profesor bahasa Inggris dan pengarah kajian Amerika di Universiti Stanford. Beliau juga adalah penulis atau editor buku-buku tentang Mark Twain, termasuk Was Huck Black? Mark Twain and African-American Voices, Lighting Out for the Territory, The Oxford Mark Twain sebanyak 29 jilid, dan yang terkini Mark Twain's Book of Animal dan The Mark Twain Anthology: Great Writeon His Life and Works.

Oleh Shelley Fisher Fishkin

William Faulkner menggelar Mark Twain "penulis Amerika sebenar yang pertama" sementara Eugene O'Neill memberinya julukan "bapa sastera Amerika yang sebenar." Charles Darwin menyimpan buku *Innocents Abroad* di dalam laci meja di tepi katilnya agar mudah dicapai apabila dia ingin menjernihkan fikirannya dan berehat sebelum tidur. Buku Twain yang bertajuk *The Gilded Age* juga digunakan untuk merujuk satu era dalam sejarah Amerika. Joseph Conrad sering berfikir tentang *Life on the Mississippi* ketika dia menjadi komandan sebuah kapal stim di Congo. Friedrich Nietzsche mengagumi *Tom Sawyer*. Lu Xun begitu terpesona dengan *Eve's Diary* sehingga dia menterjemahkannya ke dalam bahasa China. Ernest Hemingway mendakwa "semua karya sastera moden Amerika berasal dari satu buku oleh Mark Twain yang bertajuk *Huckleberry Finn*," sementara itu Kenzaburo Oe, yang juga menerima hadiah Nobel, menyebut *Huck* sebagai buku yang memberi kesan kuat kepadanya ketika zaman Jepun selepas perang dalam memberi iham untuk menulis novel. Presiden Franklin Delano Roosevelt mengambil frasa "New Deal" dari *A Connecticut Yankee in King Arthur's Court*, satu buku yang pertama kali mengutarakan konsep perjalanan merentas masa (selain daripada karya Jules Verne) menurut penulis fiksyen sains terkenal, Isaac Asimov. Gambaran Twain mengenai "kekejian mereka yang akan mempergunakan orang lain, mendapat manfaat atas penderitaan orang lain, dan menikmati nasib malang orang lain" dalam *Yankee* begitu menyentuh perasaan José Martí sehingga dia sendiri ingin "pergi ke Hartford [Connecticut] dan bersalam dengan Twain."

Twain digelar sebagai penulis Amerika terbilang setaraf dengan penulis-penulis asing seperti Cervantes, Homer, Tolstoy, Shakespeare, dan Rabelais. Dari slanga segar dan humor bersahaja yang memenuhi sketsa komik awal watak-watak Amerika yang menghuni cerita fiksiennya, tulisan-tulisan Twain memperkenalkan pembaca-pembaca seluruh dunia kepada personaliti-personaliti Amerika yang bercakap dengan telor Amerika tersendiri. *Adventures of Huckleberry Finn* adalah karya sastera Amerika dengan semangat Pengisytiharan Kemerdekaan Amerika. Ia sebuah buku tidak mungkin ditulis oleh orang Inggeris, sebuah buku yang memperluaskan konsep kebebasan.

Twain membantu mentakrifkan irama prosa dan bentuk peta moral kita. Beliau melihat nilai terbaik dan terburuk kita, janji manis kita dan kegagalan besar kita, kelemahan dan kekurangan komedi tragis kita. Beliau lebih memahami mengenai mimpi dan aspirasi Amerika, potensi kita untuk menjadi hebat dan potensi kita untuk melakukan kerosakan. Cerita fiksiyen hebat beliau menerangi dunia zaman beliau dan dunia yang diwarisi oleh kita, dan dalam proses itu beliau mengubah dunia - dan kita di dalamnya. Beliau tahu kita akan menari dengan irama yang diperdengarkan; dan oleh itu beliau mainkan semula irama ini kepada kita dengan nada sempurna.

Ketepatan penggunaan perkataan dalam karya beliau menjadikan kita mengkaji wacana beliau, sama ada dalam bentuk percakapan atau penulisan.

Tulisan fiksiyen dan bukan fiksiyen yang unik, hebat, dan asli oleh Twain masih melontarkan cabaran yang kini kita hadapi - seperti cabaran negara yang diasaskan oleh sistem perhambaan; atau teka-teki sikap percaya kita akan teknologi sekalipun kita sedar akan kuasa perosak yang dibawa teknologi; atau masalah imperialisme dan kesusahan kita membuang masalah itu. Memang sukar untuk mencari isu di dunia hari ini yang tidak pernah disentuh oleh Twain dalam karyanya. Keturunan dan alam sekitar?

Hak-hak haiwan? Batas-batas jantina? Kedudukan suara masyarakat kulit hitam dalam warisan budaya Amerika Syarikat? Twain sudah menyentuhnya. Satiris Dick Gregory pernah berkata bahawa Twain "begitu jauh di hadapan, dia tidak patut bercakap pada hari yang sama seperti orang lain."



Pada awal kerjayanya, Twain dipuji sebagai humoris berbakat. Tapi kehumoran dalam diri beliau menyembunyikan kedalaman pemikiran beliau. ("Ya, kamu benar," Twain menulis kepada seorang teman pada tahun 1902, "Saya seorang moralis dalam penyamaran.") Twain sentiasa mencabar jangkauan pembaca, membentuk kisah-kisah yang tak dapat dilupakan daripada bahan-bahan yang sebelum itu bukan bahan sastera. Seperti William Dean Howells pernah katakan, "Dia berjalan keluar di dunia abjad yang tersusun, melepak di laluan-laluannya yang dijaga rapi, dan berjalan di atas rumput sesuka hati, walaupun terdapat papan tanda yang telah diletakkan yang memberi amaran kepada orang ramai akan bahaya dan hukuman untuk pelanggaran undang-undang walau sekecil mana pun."

Dengan perasaan kemanusiaan, sinis, penuh belas kasih, tidak sabar, lucu, menggelikan, ketajaman perhatian yang kompleks, Twain memberi inspirasi kepada penulis-penulis besar abad ke-20 - tidak hanya di A.S., tetapi di seluruh dunia. Ramai penulis kagum dengan seni Twain yang mengandungi percakapan orang kebanyakan - percakapan yang sebelum ini muncul dalam sastera sebagai bahan momokan. Menurut pengamatan Jorge Luis Borges, melalui karya *Huckleberry Finn* "untuk pertama

kalinya seorang penulis Amerika menggunakan bahasa Amerika dengan bersahaja." Twain mengajar betapa pentingnya kemahiran menulis fiksi kepada ramai penulis Amerika seperti Arthur Miller David Bradley, Ralph Ellison, Ursula Le Guin, Toni Morrison, dan penulis-penulis lain yang tak terhitung ramainya. Beberapa tokoh utama dalam seni visual juga mendapati membaca karya-karya Mark Twain sebagai transformatif. Contohnya Kartunis Chuck Jones yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ikon budaya popular Amerika seperti Road Runner, Wile E. Coyote, dan Bugs Bunny, mendapat ilham awal mencipta watak-watak ini daripada pembacaan karya Mark Twain bertajuk *Roughing It*.

Dilahirkan pada tahun 1835 di desa Florida, Missouri, Sam Clemens (yang menggunakan nama "Mark Twain" pada tahun 1863) menghabiskan zaman kanak-kanaknya di bandar Hannibal, Missouri. Pada tahun 1847, selepas kematian ayahnya, Sam yang berumur 11 tahun ketika itu mengakhiri pendidikan formalnya dan menjadi perantis percetakan di pejabat surat khabar tempatan, kemudian bekerja sebagai pekerja percetakan di St Louis, New York, Philadelphia, Washington dan tempat lain. Beliau menghabiskan dua tahun mempelajari sungai dan bagaimana menjadi pembawa bot, tetapi kerjayanya sebagai pembawa bot di sungai berakhir apabila Perang Saudara meletus. Setelah menghabiskan dua minggu bersama unit tentera Missouri yang bersimpati dengan pihak Konfederasi, beliau mengembara ke Nevada bersama adiknya untuk mencuba nasib dalam perlombongan perak. Walaupun beliau gagal sebagai pencari gali perak, beliau berjaya sebagai seorang wartawan. Beliau mula mendapat nama dengan karyanya berjudul *Jumping Frog* ["*The Jumping Frog from Calaveras County*"] yang diterbitkan pada tahun 1865. Beliau memikat Olivia Langdon dari Elmira, New York, dan menerbitkan *Innocents Abroad* pada tahun 1869, yang mendapat pengiktirafan popular. Beliau berkahwin, memulakan satu keluarga, dan mula menulis buku-buku terkenal beliau ketika tinggal di dalam rumah agam yang dibina di Hartford, Connecticut, bersama keluarganya. Masalah kewangan memaksanya untuk berpindah ke Eropah pada awal 1890-an bersama keluarganya. Pada dekad terakhir, beliau berjalan ke Afrika dan Asia untuk memberi ceramah bagi menyelesaikan masalah kewangan beliau. Ketika masuk abad ke-20, beliau mengutuk negaranya - dan beberapa kuasa Eropah - kerana dasar imperialis mereka, dan beliau menjadi naib presiden Liga Anti-Imperialis. Anugerah-anugerah kehormatan yang diberikan kepadanya pada tahun-tahun akhir beliau - seperti gelaran kehormatan dan sambutan ulang tahun - gagal untuk mengisi kekosongan hati selepas kematian isteri dan dua orang puterinya. Beliau meninggal dunia pada tahun 1910.

Pada tahun 1899, *London Times* menggelar Twain "Duta besar Amerika Syarikat." Beliau telah melihat dunia lebih luas daripada mana-mana penulis besar Amerika sebelum ini, dan buku-bukunya diterjemahkan kepada lebih 70 bahasa. Kartunis-kartunis menjadikan beliau sebagai satu ikon terkenal dunia seperti mana "Uncle Sam." Twain adalah salah seorang warga Amerika pertama yang benar-benar kosmopolitan, seseorang yang menjadikan dunia seperti negara kelahirannya.

"Apakah aturan terketat di dalam diri kita sendiri?" Twain bertanya dalam satu syarahan pada tahun *Huckleberry Finn* diterbitkan. Jawapan beliau? "Perkembangan. Tiada atom walau sekecil mana di dalam struktur moral, mental atau fizikal kita yang tidak berkembang dalam setahun. Dengan kata lain, kita berubah - dan harus berubah, secara berterusan, dan terus berubah selama mana kita hidup." Anak kepada pemilik hamba yang membesar dengan menulis salah sebuah buku anti-perkauman yang

dianggap berharga dalam sejarah Amerika jelas berbicara dari pengalamannya sendiri. Atas kegagalan beliau sendiri untuk mempersoalkan ketidakadilan status quo semasa zaman kanak-kanaknya di Hannibal, Twain menjadi pengkritik terhadap masyarakat yang tidak bersuara untuk memberhentikan kezaliman. Pengalaman juga mengajar beliau agar tidak meremehkan kekuatan transformatif humor. Satiris hebat dari Amerika ini telah menulis bahawa "manusia itu, walaupun berada dalam kemiskinan, mempunyai satu senjata yang sangat berkesan - iaitu tawa. Kuasa, Wang, Pujukan, Rayuan, Penyeksaan - semua ini memberi sedikit kesan kepada kepalsuan besar - menolaknya sedikit - menekannya sedikit - melemahkannya sedikit demi sedikit, abad demi abad: tapi hanya tawa boleh memusnahkannya hingga berderai dan berkecai. Tiada satu pun boleh menangkis serangan tawa."